

## **SOALAN LAZIM**

### **SURAT EDARAN BERTARIKH 6 SEPTEMBER 2019**

**RUJ : JPA(L)S.175/4/4-2KLT.4(21)**

#### **KETETAPAN BAYARAN ELAUN KEPADA PELAJAR INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI YANG MENGIKUTI LATIHAN AMALI / PRAKTIKAL DI SEKTOR AWAM**

##### **1. Apakah yang dimaksudkan dengan Latihan Amali / Praktikal?**

Latihan Amali / Praktikal merujuk kepada penempatan pelajar Institut Pengajian Tinggi (IPT) awam atau swasta di mana-mana Kementerian / Jabatan / Agensi di dalam negara bagi tujuan menjalankan latihan amali / praktikal dalam jangka masa yang ditetapkan sebagai syarat bergraduat sebelum dianugerahkan Diploma atau Ijazah Sarjana Muda.

##### **2. Apakah yang dimaksudkan dengan pelajar?**

Pelajar merujuk kepada individu berstatus warganegara Malaysia yang sedang mengikuti pengajian di IPT di dalam atau luar negara dan menjalani latihan amali di dalam negara.

Pelajar yang merupakan penjawat awam yang mengikuti pengajian di IPT dan menjalani latihan amali di dalam negara tidak termasuk di bawah kategori ini dan tidak layak dibayar elaun.

##### **3. Apakah yang dimaksudkan dengan IPT?**

Skop IPT di bawah surat edaran ini ialah:

- i) IPT awam atau juga disebut sebagai universiti awam yang ditubuhkan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [Akta 30] termasuk *International Islamic University of Malaysia* (IIUM) yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965 [Akta 125] dan Universiti Teknologi MARA (UiTM) yang ditubuhkan di bawah Akta Universiti Teknologi MARA 1976 [Akta 173];

- ii) Universiti atau kampus cawangan atau kolej universiti atau kolej yang diluluskan dan didaftarkan di bawah Akta Institusi Pengajian Tinggi Swasta 1996 [Akta 555];
- iii) Politeknik, Kolej Komuniti dan Institut Pendidikan Guru di bawah Akta Pendidikan 1996 [Akta 550] atau mana-mana institusi atau badan yang menyediakan pendidikan tinggi di Malaysia; dan
- iv) Institut Latihan Kemahiran Awam di bawah Kementerian Sumber Manusia (KSM), Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dan Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB).

#### **4. Apakah yang dimaksudkan dengan Ketua Jabatan?**

Ketua Jabatan bermaksud seorang pegawai yang mengetuai sesuatu jabatan di mana pelajar menjalani latihan praktikal.

#### **5. Siapakah yang layak untuk menjalani latihan amali?**

Pelajar terdiri daripada warganegara Malaysia yang sedang mengikuti pengajian di IPT dalam atau luar negara dan struktur pengajian mewajibkan pelajar menjalani latihan amali / praktikal sebagai syarat bergraduat. Pelajar hanya dibenarkan untuk menjalani latihan di dalam negara sahaja.

#### **6. Berapakah tempoh latihan amali dibenarkan?**

Tempoh latihan amali bergantung kepada struktur pengajian yang telah ditetapkan oleh IPT. Dicadangkan supaya tempoh terkumpul bagi latihan amali tidak kurang daripada tiga (3) bulan atau tempoh yang ditetapkan oleh mana-mana badan profesional yang mempunyai kuasa menganugerah akreditasi.

**7. Apakah yang dimaksudkan dengan pembayaran elaun terhad kepada maksimum tempoh 90 hari sahaja?**

Ia merujuk kepada pembayaran maksimum elaun latihan amali kepada pelajar bagi 90 hari bekerja sahaja (tidak termasuk cuti hujung minggu, cuti-cuti umum atau hari kelepasan am) walaupun tempoh menjalani latihan amali adalah melebihi 90 hari.

**8. Bolehkah pelajar mengambil cuti / bercuti?**

Pelajar tidak layak mendapat kemudahan cuti semasa menjalani latihan amali / praktikal kecuali dengan kebenaran / kelulusan organisasi yang berkaitan tanpa dibayar sebarang elaun.

**9. Apakah syarat-syarat pembayaran elaun latihan amali kepada pelajar?**

Syarat pembayaran elaun latihan amali kepada pelajar adalah tertakluk kepada perkara berikut :

- i. Ketua Jabatan perlu memastikan perbelanjaan bagi tujuan ini mengguna pakai peruntukan sedia ada Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan yang terlibat;
- ii. Kadar pembayaran elaun adalah sebanyak RM5.00 sejam (8 jam sehari) bagi semua hari bekerja terhad kepada maksimum 90 hari sahaja dengan syarat latihan amali / praktikal tersebut adalah merupakan salah satu syarat untuk pelajar bergraduat / menamatkan pengajian dengan jayanya;
- iii. Pelajar tidak layak dibayar elaun lebih masa;
- iv. Pelajar akan menerima bayaran elaun mengikut hari bekerja sahaja dan tidak termasuk hari kelepasan am dan hari kelepasan mingguan; dan
- v. Pembayaran elaun latihan amali kepada pelajar hendaklah terhad kepada sekali sahaja sepanjang tempoh pengajian sekiranya struktur pengajian mewajibkan pelajar menjalani latihan amali untuk beberapa siri mengikut semester tertentu.

**10. Adakah bayaran elaun diwajibkan kepada pelajar?**

Bayaran elaun ini adalah diwajibkan kepada setiap pelajar yang menjalani latihan praktikal di Kementerian / Jabatan / Agensi mengikut kadar baharu yang telah ditetapkan sebagaimana Surat Edaran bertarikh 6 September 2019 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Bayaran adalah tertakluk kepada peruntukan sedia ada Kementerian / Jabatan / Agensi yang berkaitan serta mematuhi prosedur kewangan yang berkuatkuasa.

**11. Berapakah kadar bayaran elaun diberikan kepada pelajar?**

Kadar pembayaran elaun adalah sebanyak RM5.00 sejam (8 jam sehari) bagi semua hari bekerja. Pembayaran elaun ini terhad kepada maksimum 90 hari bekerja sahaja.

**12. Bilakah kadar bayaran elaun latihan amali / praktikal baharu berkuatkuasa?**

Kadar bayaran elaun latihan amali / praktikal baharu berkuatkuasa kepada pelatih yang dilantik bermula pada 1 September 2019.

**13. Adakah *time-off* dibenarkan kepada pelajar?**

Pelajar / pelatih tidak layak mendapat kemudahan *time-off* semasa menjalani latihan amali / praktikal kecuali dengan kebenaran / kelulusan organisasi yang berkaitan tanpa dibayar sebarang elaun bagi tempoh tersebut. Tempoh maksimum *time-off* adalah sebanyak 4 jam sehari dan pelajar perlu menggantikan tempoh tersebut pada bila-bila masa dalam tempoh latihan amali. Semua perkara mengenai peraturan ini hendaklah selaras dengan peraturan mengenai kebenaran untuk meninggalkan pejabat dalam waktu bekerja di bawah Perintah Am 5 Bab G – Mematuhi

Waktu bekerja (ruj: JPA(SARAAN)(S)1619 Klt.16(7)) bertarikh 9 Disember 2009.

**14. Adakah pelajar layak dibayar elaun latihan amali sekiranya telah ditaja oleh penaja (bagi pelajar yang menerima tajaan)?**

Pelajar layak dibayar elaun latihan amali sekiranya penajaan yang diterima pelajar tidak termasuk elemen elaun latihan amali. Pelajar tidak layak menerima Elaun Latihan Amali daripada pihak penaja dan Elaun Latihan Amali di bawah surat edaran ini secara serentak.